





LATIH DIRI

◆ Jawab soalan berpandukan piktograf yang tidak lengkap seperti di bawah.



- Berapakah beza jualan topeng muka antara bulan Januari dengan April?
- Bilangan topeng muka yang dijual pada bulan Mac adalah 30 kotak kurang daripada Februari. Berapakah kotak topeng muka yang dijual pada bulan Mac?
- Jualan pada bulan Mei adalah 5% lebih daripada bulan April. Hitung:
 - jualan pada bulan Mei.
 - jumlah jualan dari Januari hingga Mei.
- Sekotak topeng muka mengandungi 50 unit dan harga kosnya ialah RM30. Harga jual seunit topeng muka ialah 80 sen. Hitung keuntungan jualan yang diperoleh pada bulan Februari.
- Pada pendapat kamu, mengapakah jualan topeng muka pada bulan April paling tinggi? Terangkan.

◆ Jawab soalan berdasarkan carta palang di bawah.



- Nyatakan dua jenis warna cat yang digunakan dengan jumlah isi padu 1.4 l.
- Berapakah purata isi padu cat yang telah digunakan?
- Hitung baki isi padu cat jika kapasiti setiap tin ialah 1 l.
- $\frac{3}{5}$ daripada baki isi padu cat digunakan untuk mengecat rak buku. Hitung isi padu cat, dalam mℓ, yang digunakan itu.

Nota Guru

- Layari <http://www.edugain.com/sampleWorksheet/Grade6/Data-Handling/Printed>

11.1 (i)

